


EDISI JANUARI - FEBRUARI | 1/ 2023

Ivory

BULETIN KKTm SRI GADING



SRI GADING



Terbaru : Ruang Jom Iklan dan Info OBE

Paparan MENARIK

- Tik Tok for Affiliate
- Pertandingan Bowling Piala Pengarah MARA Negeri Johor julung kali diadakan
- KKTm Sri Gading tidak ketinggalan menghantar wakil ke pertandingan Wordskills Malaysia
- Bicara Alumni : Sembang Santai



PAK 21

m/s 27



JOM IKLAN ALUMNI

m/s 12



SELAMAT MAJU JAYA

m/s 21

Kandungan

Pengerusi

Nor Ain binti Abas

Setiausaha

Norazlina binti Mohmed

Ahli

Aidatul Salwani binti Jamaluddin

Azima binti Sapuan

Norsyahidan binti Norsalbi

Nor Fazween binti Ahmad Rusly

Suhaya binti Sukemi

Siti Nazirah binti Abdul Rahman

Madiyah binti Yahaya

Ts. Zahtuliffa binti Tusimin

Norliezulaina binti Shafaat

Editor Edisi 1/2023

Aidatul Salwani binti Jamaluddin

Nor Fazween binti Ahmad Rusly

Program Khidmat Masyarakat

- 9** CSR Membaik Pulih dan Mencerikan Kawasan Gelanggang Sukan dan Koridor di SK Seri Bulan, Yong Peng
- 18** CSR Menaiktaraf Lantai Wakaf Kampung Melayu, Pontian
- 19** CSR Mengecat di SK Medini, Nusanjaya
- 20** Mysweet Campus Siri 1
- 22** CSR Rumah Kebajikan Dar Maryam

Peningkatan Kemahiran Staf

- 2** Bengkel Pengisian Data Templat Piawai Daftar Risiko KKTM Sri Gading
- 17** Lawatan ke Syarikat 3R Systems Sdn Bhd
- 27** Bengkel Pelaksanaan Latihan dan Perkongsian Amalan Terbaik PAK 21 TVET BKT (Fasa 1)

Inspirasi

- 24** Bicara Alumni : Sembang Santai bersama Aidil Syaffuan bin Sulaiman
- 29** Tik Tok for Affiliates



Bengkel Pengisian Data Templat Piawai Daftar Risiko KKTm Sri Gading telah dilaksanakan pada 4 Januari 2023 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar KKTm SG. Bengkel ini telah disertai oleh sebilangan kakitangan KKTm Sri Gading dan bertujuan memberi pendedahan tentang penilaian risiko di peringkat pusat serta pengisian tahap risiko setiap fungsi dan proses-proses yang terlibat.




PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON ANTARA KKTm SRI GADING vs TANGKAS BC YONG PENG

Satu perlawanan persahabatan badminton antara KKTm Sri Gading dengan Tangkas BC Yong Peng telah dianjurkan pada 8hb Januari 2023 bertempat di Dewan Darul Takzim, KKTm Sri Gading.

Perlawanan ini telah disertai oleh pensyarah dan pelajar KKTm SG sendiri di mana ianya dilaksanakan bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan dan mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat melalui aktiviti sukan.

PERHIMPUNAN PAGI DAN SESI TOWNHALL / PIHAK PENGURUSAN



SESI PERKONGSIAN

Sesi perkongsian dimulai dengan pelancaran CSR “Seputar Roda, Sejuta Kasih” oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Puan Hajjah CSR anjuran Jabatan Pengajian Am ini merupakan projek tajaan pembelian kerusi roda yang akan diagihkan ke hospital / klinik yang terpilih di sekitar Batu Pahat di mana para penyumbang boleh memilih pakej untuk ditaja.

Sesi perkongsian diteruskan oleh Puan Azlina binti Sariff berkaitan dengan isu perolehan dan ada hadiah menarik diberikan kepada pemenang yang berjaya menjawab soalan kuiz yang disediakan oleh Puan Azlina di akhir sesi perkongsian beliau.

UCAPAN DAN AMANAT

Agenda diteruskan lagi dengan ucapan dan perkongsian daripada pihak pengurusan tertinggi KKTm Sri Gading. Encik Khairul Anuar bin Mohd Jais selaku TPHEA telah menyampaikan ucapan berkaitan akademik dan Encik Shah Zulmizan bin Safar selaku TP KPHEP memberi ucapan mengenai Prestasi KPI suku ke-4 bagi tahun 2022.

Seterusnya Tuan Pengarah KKTm Sri Gading iaitu Tuan Haji Azman bin Ali memberi taklimat mengenai pelaksanaan SKU.

IKRAR BEBAS RASUAH

Kemuncak kepada perhimpunan tersebut, warga KKTm Sri Gading membacakan Ikrar Bebas Rasuah yang diketuai oleh Encik Lelasari bin Ali.

MESYUARAT PRECOUNCIL PROGRAM ANAK
ANGKAT JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
JOHOR BERSAMA INSTITUSI PENDIDIKAN
MARA.



Program ini telah diadakan pada 24 Januari 2023 yang turut dihadiri oleh Pegawai dari JPN Johor, PPD Batu Pahat, Kaunselor dari PPD Johor, Pengarah dan beberapa orang wakil daripada Jawatankuasa Pengurusan Korporat dan Promosi.

OBJEKTIF :

1. Meningkatkan peratusan murid layak mendapat Sijil SPM.
2. Mengurangkan peratus murid cicir pendidikan lanjutan lepasan SPM.
3. Meningkatkan jumlah murid bersekolah semula setelah dibuang.

Definisi konsep yang dilaksanakan untuk program ini adalah JPN/PPD/Sekolah sebagai Bapa Kandung, Rakan Strategik sebagai Bapa Angkat, Pelajar/Pelatih di Institusi Strategik sebagai Abang/Kakak Angkat dan Murid sebagai Adik Angkat.

Strategi yang dilaksanakan dalam jalinan IPTA/IPTS/ILKA/ILKS dan Industri adalah Penyerahan Anak Angkat, Program Ziarah, Family Bonding dan Engagement.



PROGRAM JALANRAYA DAN PENGANGKUTAN
(DTH)

MAJLIS TAUTAN KASIH DTH (JJ2023)

Agenda: ▶

- Nyanyian lagu Bangsa Johor, Negaraku dan Amanah Rakyat
- Bacaan doa
- Ucapan Presiden Pelajar DTH
- Ucapan pensyarah DTH
- Ucapan dana amanat Ketua Program DTH
- Taklimat OBE
- Sesi perkenalan pelajar semester 1
- Ucapan perpisahan staf
- Penyampaian cenderahati kepada staf DTH
- Sesi fotografi

8.1.2023 | Ahad

2.00 petang

Dewan Teater A



https://bit.ly/Facebook_DTHighway_Legacy



[instagram.com/dthighwaylegacy](https://www.instagram.com/dthighwaylegacy)



[tiktok.com/@dthlegacy](https://www.tiktok.com/@dthlegacy)



Majlis Tautan Kasih DTH bagi sesi Januari-Jun 2023 telah diadakan pada 8 Januari 2023 di Dewan Teater A. Majlis ini telah dihadiri oleh semua pensyarah dan pelajar Program DTH yang mana ianya merupakan satu majlis perhimpunan rasmi bagi setiap semester.

Antara pengisian dalam majlis ini ialah taklimat berkenaan Objectif Based Education (OBE) dan laluan kerjaya di bawah BEM, sesi perkenalan pelajar semester 1 dan ucapan serta amanat daripada Ketua Program DTH, Ts. Lelasari bin Ali.

Selain itu, majlis turut meraikan perpindahan dua orang staf Program DTH yang akan bertukar jabatan dan pusat iaitu Encik Mohamad Arif bin Rubain dan Encik Norazri bin Santuso. En Arif akan bertukar ke Program DTV manakala Encik Norazri akan berpindah ke IKM Johor Baharu.



Pertandingan Bowling Piala Pengarah MARA Negeri Johor telah berlangsung Buat julung-julung kalinya pada 6 Januari 2023 di Ampang Superbowl, Kluang Mall, Kluang.

Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Kelab Sukan, KKTM Sri Gading dengan kerjasama Kelab Sukan dan Rekreasi MARA (KSRM) di mana ianya telah disertai oleh seluruh pusat MARA di negeri Johor.

Selain daripada dapat mengeratkan silaturrahim di antara staf MARA, ianya juga dapat mencungkil bakat-bakat bermain boling di kalangan staf MARA. Semoga pertandingan ini akan terus memberi manfaat kepada semua staf MARA negeri Johor khususnya.



PERTANDINGAN BOWLING
Piala Pengarah MARA Negeri Johor 2023

JUMAAT
06 JAN 2.30 PTG

AMPANG SUPERBOWL, KLUANG MALL, KLUANG

Anjuran
Kelab Sukan KKTM Sri Gading
KSRM Negeri Johor

Dengan kerjasama
Kelab Sukan dan Rekreasi MARA (KSRM)





LIMITED SEAT!

PROJECT PROPOSAL preparation WORKSHOP

now is the time for you to start reorganizing your student project proposal report writing.



DATE

SUNDAY 01, JANUARY



TIME

8.30AM TO 11.30AM

PRE PREPARATION

1. Create  Mendeley account via <https://www.mendeley.com>
2. Download Mendeley Reference Manager for Desktop
3. Install Mendeley Reference Manager for Desktop




SPEAKER
YUSLIANDY YUSOF

LATAR BELAKANG BENGKEL


Bengkel Project Proposal Preparation ini dianjurkan untuk memperkenalkan platform Mendeley kepada pelajar semester 4 yang akan mengambil kursus Project Proposal. Platform Mendeley ini amat berguna dalam proses penyediaan laporan para pelajar.

OBJEKTIF BENGKEL

1. Memperkenalkan dan memberi pendedahan berkaitan Mendeley kepada pelajar semester 4 bagi Jabatan DTM
2. Mengaplikasikan Mendeley dalam penyediaan laporan akhir untuk Projek Akhir Tahun.
3. Meningkatkan kemahiran teknologi maklumat di kalangan pelajar KKTm Sri Gading.



Penceramah: Encik Yusliandy bin Yusof
Anjuran: Jabatan DTM





Program Tautan Kasih Program DTF

Program Tautan Kasih anjuran Jabatan Forensik Bangunan dan Penyelenggaraan (DTF) telah diadakan pada 3hb Januari 2023 bertempat di Dewan Teater A

Program yang diadakan pada setiap semester ini antara lainnya adalah untuk memperkenalkan diri setiap pelajar baru kepada pelajar kanan yang lain serta taklimat penerangan OBE kepada semua pelajar DTF yang disampaikan oleh Ketua Program DTF. Selain itu, pemilihan ahli jawatankuasa pelajar untuk Program DTF turut dibuat dalam program ini.





Program Khidmat Masyarakat "Membaik Pulih dan Menceriakan Kawasan Gelanggang Sukan dan Koridor di SK Seri Bulan, Yong Peng"

Jabatan DTC telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat (CSR) di Sekolah Kebangsaan Seri Bulan, Yong Peng pada 11 dan 12 Januari 2023. Seramai empat orang pensyarah DTC yang diketuai Encik Noor Haslam Amin serta 11 orang pelajar DTC telah menyertai program ini. Di antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang dua hari program CSR ini adalah membaikpulih dan menceriakan kawasan gelanggang sukan dan koridor SK Seri Bulan. Program ini dapat memberi impak yang besar dalam mempromosikan KKTm Sri Gading kepada masyarakat setempat dan menjalinkan hubungan dua hala di antara SK Seri Bulan dan KKTm Sri Gading.





Taklimat OBE disampaikan oleh Ketua Program DTG, Ts. Mohd Azizi bin Sulaiman

Jabatan DTG telah menganjurkan majlis Tautan Ukhwah DTG dan Taklimat OBE pada 3 Januari di Dewan Teater A.

Penerangan berkenaan Objectif Based Education (OBE) telah disampaikan oleh Ketua Program DTG iaitu Ts. Mohd Azizi bin Sulaiman. Taklimat ini amat penting untuk difahami oleh semua pelajar dan kakitangan sebagai keperluan dalam Akreditasi ETAC MQA.



Pelajar-pelajar yang telah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan bagi sesi Julai-Disember 2022 turut diraikan dalam majlis ini. Semoga setiap pelajar akan lebih berdaya saing dalam mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Sijil penghargaan telah disampaikan kepada pelajar-pelajar berkenaan.

Sesi pengenalan oleh setiap pelajar baru juga telah dibuat agar mereka dapat mengenali sesama mereka.





MOTIVASI KECEMERLANGAN SPM

Pihak Unit Bimbingan Kaunseling dan PIBG, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Intan, Kluang telah menganjurkan satu ceramah motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah berkenaan pada 10 Januari 2023. Ceramah motivasi ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Akademik), Encik Khairul Anuar bin Jais.

Antara intipati ceramah beliau adalah bimbingan dan nasihat kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM, pengenalan berkenaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, TVET yang kini menjadi tumpuan para pemain industri di tanahair.

Melalui ceramah ini turut diterangkan adalah pusat-pusat pendidikan dan latihan (IPMA) yang ditawarkan oleh pihak MARA seperti IKM, KKTM dan MJII menerusi TVET MARA.

Semoga pelajar-pelajar SMK Seri Intan akan mencapai kejayaan dalam peperiksaan SPM.



JOM IKLAN!

Terhad kepada alumni KKTM Sri Gading

KAMI BANTU IKLAN PRODUK / PERNIAGAAN ANDA

Kongsikan kepada kami butiran berikut:

- ✓ Nama produk/periagaan
- ✓ Gambar produk/periagaan
- ✓ Lokasi
- ✓ Nama, no telefon, mediasosial untuk dihubungi

JK RAKAN MEDIA & MEDSOS KKTM SRI GADING



SEPENUHNYA:

HK MUSLIM HOMESTAY

Cameron Highlands Pahang D.M



4 UNIT HOMESTAY PERFECT FAMILY FOR BOOKING

LIVING ROOM
BALCONY
KITCHEN
3-BEDROOMS
2-TOILETS

12PM- 2PM | Perumahan Prima Cameron Jaya, Tanah Rata.
Contact us for details and more information 24hours/7day.
Call us at 011-37402726 & 019-4305703

HKMuslim Homestay Cameron highlands | homestay_cameronhighlands

Saudara Khairi Anuar bin Mohamad
Alumni Jabatan DTH
Sesi JD2012- JJ2015

HK MUSLIM HOMESTAY

Blela : 019-4305703 | Nwar : 011-37402726

HOMESTAY JIMAT MURAH SELESA

MENYEDIAKAN PENGINAPAN RUMAH TUMPANG DI CAMERON HIGHLANDS (PERUMAHAN PRIMA CAMERON JAYA, TANAH RATA)



APA KEMUDAHAN YANG BAKAL ANDA DAPAT?

- ★ RUANG TAMU LENGKAP PERABOT
- ★ 3 BILIK TIDUR QUEEN SIZE + EXTRA (BANTAL & TILAM SINGLE)
- ★ 2 TANDAS (DALAM & LUAR) + TUALA MANDIAN 3SET
- ★ KELENGKAPAN & KEMUDAHAN PERALATAN MEMASAK

APA KEMUDAHAN YANG BERDEKATAN HOMESTAY?

- ★ Ruang parking bebas
- ★ 3 Ruang lift Disediakan
- ★ kedai runcit & cenderahati
- ★ kedai makan & minum
- ★ kedai cuci pakaian
- ★ kedai komputer & gadget



HK MUSLIM HOMESTAY

Cameron Highlands Pahang D.M



HK Muslim Homestay Cameron Highlands

1K likes • 1.1K followers



Promote

Add to Story

View Tools

...



HUBUNGI KAMI!
011-37402726 NWAR

FOR RENT AWAS KERJA - KERJA DIHADAPAN 500m ROADCARE 2 pcs	ROADWORKS 400m 2 pcs	60 kmj 2 pcs	40 kmj 2 pcs	PEMBINAAN TAMAT 2 pcs
1.1a NARROW ON THE LEFT 200m 1 pcs	1.1b NARROW ON THE RIGHT 200m 1 pcs	1.7a KEEP RIGHT 4 pcs	1.7b KEEP LEFT 2 pcs	STOP 2 pcs

JKR
JABATAN KERJA RAYA
MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SEWA PAPAN TANDA KESELAMATAN

JKR
JABATAN KERJA RAYA
TANDA KESELAMATAN

1.3 SPEED LIMIT 40KMJ 2 pcs	1.3a WARNING SIGN PEMBINAAN TAMAT 2 pcs
1.7a KEEP LEFT 2 pcs	STOP 2 pcs

Taklimat World Skills Malaysia 2023 | 9 Februari 2023



world Malaysia

Taklimat penerangan berkenaan pertandingan World Skills Malaysia (WSMB) 2023 telah diadakan pada 9 Februari 2023 di Dewan Teater A.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Penyelaras Unit WSMB/P KKTm Sri Gading, Encik Mohd Fauzan bin Saidin kepada pelajar-pelajar KKTm Sri Gading.





PRA KELAYAKAN
WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB)
PERINGKAT KKTm SRI GADING

DIGITAL CONSTRUCTION

9 FEBRUARI 2023

BIM LAB



Pra Kelayakan Worldskills Malaysia Peringkat KKTm Sri Gading bagi bidang Digital Construction telah diadakan pada 9 Februari 2023 bagi bidang Digital Construction.

Semoga calon yang terpilih akan membawa kejayaan kepada pasukan KKTm Sri Gading dalam pertandingan ini.





Lawatan Penanda Aras Kolej Vokasional Batu Pahat ke KKTM Sri Gading

Lawatan penanda aras Kolej Vokasional Batu Pahat ke KKTM Sri Gading telah diadakan pada 2 Februari 2023. Lawatan ini juga telah dikelolakan oleh Jabatan DTF di mana delegasi KV Batu Pahat telah diberikan taklimat berkenaan akademik yang ditawarkan selain telah dibawa melawat ke beberapa bengkel di dalam KKTM Sri Gading.



LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT

Unit Komunikasi Korporat dan Promosi bersama pihak pengurusan tertinggi KKTM Sri Gading telah mengadakan satu kunjungan hormat ke Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sri Gading pada 7 Februari 2023.



Objektif lawatan ini adalah untuk memberi taklimat dan penerangan lebih mendalam berkaitan operasi di KKTM Sri Gading. Selain itu, beberapa cadangan untuk mengadakan kolaborasi "Program Kerjaya" 2023 turut dibincangkan dalam sesi lawatan tersebut.

Antara yang terlibat dalam lawatan ini ialah YB Tn Hj Aminolhuda bin Hassan (Ahli Parlimen Sri Gading), Encik Noor Khalim Sakib (Pegawai Khas), Encik Md. Ezam Taslim (Pegawai Khas II), Encik Shahrul Anuar Sanusi (Pegawai DUN Parit Raja) dan Encik Ahmad Rashidi Md Mery (Pegawai DUN Parit Yaani).

LAWATAN INDUSTRI

KE SYARIKAT 3R SYSTEMS SDN BHDT

Jabatan DTF telah mengadakan satu lawatan industri ke Syarikat 3R Systems Sdn Bhd pada 14 Februari di Petaling Jaya.



Lawatan industri ini diadakan bertujuan untuk mengenalpasti impak pelajar yang telah berkerja dan sedang menjalani latihan industri dengan syarikat ini serta berkongsi maklumat terkini dalam bidang forensik bangunan.

Antara delegasi yang turut mengikuti lawatan ini ialah:


- 1) Ketua Program DTF
- 2) Semua Pensyarah DTF
- 3) Pegawai Perhubungan Industri



Program Khidmat Masyarakat "Menaiktaraf Lantai Wakaf Kampung Melayu, Pontian"

Jabatan DTM telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat (Menaiktaraf Lantai Wakaf Kampung Melayu di Pontian pada 11 Februari 2023. Peserta yang terlibat dalam program ini ialah pelajar kursus Pengajian Malaysia (DTM2A), Pensyarah Pengajian Malaysia, dan Pensyarah Jabatan DTM.

Objektif utama CSR ini ialah sebagai memenuhi tuntutan kerja kursus dalam Subjek Pengajian Malaysia dan menjadikan pelajar dan staf yang cakna tentang komuniti setempat.





CSR

Mengecat di SK Medini, Nusanjaya

Jabatan Teknologi Pemodelan Bangunan (DTV) telah menganjurkan satu program khidmat masyarakat iaitu mengecat mural di SK Medini, Nusanjaya. Program CSR ini telah melibatkan pensyarah dan pelajar DTV 2B.





my **SWEETCAMPUS** *siri 1*

Program ini bertujuan untuk :

- Meningkatkan rasa tanggungjawab, jatidiri, rasa prihatin dan cakna pelajar khususnya terhadap kawasan tempat tinggal (asrama) dan kawasan persekitaran kolej.
- Memupuk ukhwah dan hubungan silaturrahim di antara felo, penyelia asrama dan pelajar.
- Menggalakkan rasa kebersamaan dikalangan pelajar dalam melakukan aktiviti dalam menyelesaikan permasalahan dalam memastikan tahap kebersihan dan keceriaan asrama berada dalam keadaan yang optimum.
- Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan pelajar dapat memupuk semangat setiakawan dan muafakat sesama pelajar dalam melakukan tugas yang diberi dengan sukarela.



MAJLIS PERPISAHAN

TENTATIF

UCAPAN PENERUSI PKK
UCAPAN PENGARAH @ WAKIL PENGARAH
UCAPAN TS MOHD. AZIZI
UCAPAN EN. MOHAMAD ZAKI
UCAPAN EN. NORAZRI

PENYAMPAIAN CENDERAHATI

JAMUAN RINGAN
BERSURAI

jauh di mata, dekat di hati

MOHD AZIZI BIN SULAIMAN
MOHAMAD ZAKI BIN MOHAMAD SALIH
NORAZRI BIN SANTUSO

TEMPAT: DEWAN TEATER A
TARIKH: 16 FEBRUARI 2023
MASA: 2.30 PETANG

ACARA THUMBPRINT TERAKHIR AKAN DIADAKAN SEJURUS SELESAI MAJLIS

Sempena perpindahan beberapa orang staf KKTMS Sri Gading, majlis perpisahan yang dianjurkan oleh PKK KKTMSG pada 16 Februari 2023. Staf yang diraikan adalah:

- En.Mohd Azizi - ke KKTMS Lenggong
- En.Azri - ke IKM Johor Bahru
- En.Zaki - ke IKM Tasya, Pekan, Pahang

Warga KKTMS Sri Gading mengucapkan selamat maju jaya dan terus cemerlang di tempat baru. Semoga berjumpa lagi di lain masa.





Pelajar kursus Pengajian Moral telah menganjurkan CSR yang bertempat di Rumah Kebajikan Dar Maryam, Mukim 7, Parit Raja pada 10 Februari 2023 (Jumaat).

Seramai 10 orang pelajar kursus berkenaan telah menyertai program ini di mana ianya melibatkan kerja-kerja seperti menyelenggara, mengecat dan menampal “wall paper” di ruang tamu bangunan asrama lelaki.





Jabatan DTM dengan kerjasama pihak pengurusan KKTm Sri Gading telah mengelolakan satu program yang berbentuk infaq makanan kepada pelajar KKTm Sri Gading yang memerlukan melalui program Gerobok Rahmah.

Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah iaitu Tuan Haji Azman bin Ali pada 16 Februari 2023 di Surau Annur.

Kutipan akan dibuat menerusi Tabung Rahmah dan sumbanagan tersebut akan digunakan untuk membeli makanan yang akan diletakkan di surau.



Bicara Alumni: Sembang Santai

bersama

**Aidil Syaffuan
Sulaiman**

**Nakamura Construction Co Ltd
Alumni DTG (Julai - Dis 2014)**

Tarikh:
16 Februari 2023

Tempat:
Surau An Nur
KKTM Sri Gading

Waktu:
8.30 pagi



Bicara Alumni : Sembang Santai bersama Aidil Syaffuan bin Sulaiman

Unit Alumni berbesar hati menjemput saudara Aidil Syaffuan bin Sulaiman untuk berkongsi pengalaman, tips dan nasihat kepada pelajar-pelajar KKTM Sri Gading. Beliau merupakan alumni Jabatan DTG yang pernah mengikuti program latihan di negara Jepun dan kini terus membina kerjaya di negara matahari terbit itu.

Bekas pensyarah Jabatan DTG, Encik Muhammad Ikhwan bin Juhari turut dijemput sebagai moderator dalam program ini.





Bengkel Sukarelawan

Remaja Muslim (SURE 23')

Seramai 32 orang pelajar Tingkatan 6 dari Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat dan 22 orang Pimpinan Pelajar Ahli PRS KKTm Sri Gading serta 5 penasihat dari pensyarah Kelab PRS KKTm Sri Gading telah menyertai Bengkel Sukarelawan Remaja Muslim (SURE 23') yang diadakan pada 24 dan 25hb Februari 2023 di KKTm Sri Gading.

Antara objektif pelaksanaannya adalah:

1. Menyediakan medium yang memberikan penekanan kepada aspek pembentukan semangat kesukarelawan di kalangan pelajar tingkatan 6.
2. Mendedahkan pelajar kepada kemahiran berorganisasi, pengurusan dan komunikasi dengan masyarakat.
3. Melahirkan individu yang prihatin dan sanggup berbakti kepada masyarakat selaras dengan konsep "Fastabikul Khairat".

BENGKEL PENULISAN LAPORAN PROJEK PROPOSAL & PROJEK TAHUN AKHIR PELAJAR DIPLOMA TEK. KEJ. PEMBINAAN (BANGUNAN HIJAU)

Jabatan Bangunan Hijau (DTE) telah mengambil inisiatif untuk membantu para pelajar dalam memantapkan penulisan laporan projek proposal dan tahun akhir dengan menganjurkan satu bengkel penulisan laporan pada 22 Februari 2023.

Bengkel sehari yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dengan kaedah penulisan yang lebih berkesan. Seramai dua orang penceramah telah menyumbang masa dan tenaga mereka dalam menyampaikan taklimat dan penerangan iaitu Ts. Khairol bin Kamaruddin dan Encik Naimuddin bin Abdullah.



Bengkel Pelaksanaan Latihan dan Perkongsian Amalan Terbaik PAK 21 TVET BKT (Fasa 1)

Selaras dengan perkembangan pendidikan berasaskan teknologi, Sekretariat Pencerapan dan Pemantauan Akademik telah menganjurkan satu Bengkel Pelaksanaan Latihan dan Perkongsian Amalan Terbaik PAK21 pada 27 dan 28hb Februari 2023 bertempat di Bilik Seminar, KKTM Sri Gading.




Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah bagi:

1. Memahami prinsip-prinsip PAK21 dan cara menerapkan PAK21 dalam pendidikan TVET.
2. Menyediakan latihan dan bimbingan mengenai cara pengendalian pembelajaran berasaskan PAK21 kepada pensyarah TVET di KKTM Sri Gading.
3. Mengembangkan kemahiran berkolaborasi dan inovasi pensyarah TVET melalui penerapan PAK21.

Penceramah yang telah terlibat dalam bengkel ini ialah:

1. En. Mohamad Baharin Bin Ahmed (KKTM Sri Gading)
2. En. Fadzil Noor Bin Rose (IKM JB)
3. En. Mohamad Wazir Shafix Bin Osman (KKTM Sri Gading) (fasilitator).



Terima kasih diucapkan kepada penceramah/fasilitator, peserta dan Sekretariat Pemantauan dan Pencerapan KKTMSG di atas komitmen dan kerjasama anda.

Sayonara Encik Ikhwan (Mantan Pensyarah Jabatan DTG)

"Assalamualaikum w.t.b...genap 10 tahun 14 hari saya bersama KKTM SRI GADING dan MARA serta rakan-rakan sekalian.

Saya memohon ribuan ampun dan maaf jika ada melakukan kesilapan, menyakiti hati, terkasar bahasa, menyinggung perasaan yang sengaja mahupun tidak sepanjang bersama dalam melaksanakan tugas dan sepanjang bekerjasama dengan kalian.

Saya minta halal jika ada terminum, termakan, terambil dan apa juga kesalahan saya harap dimaafkan.

Banyak pengalaman suka duka, kelam kelibut, huruhara, hiruk pikuk dan banyak lagi moment-moment yang tidak dapat dilupakan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa mendoakan saya.

Kepada rakan-rakan sekalian, saya doakan akan terus sihat sejahtera dan terus cemerlang dan terus mengharumkan nama KKTM Sri Gading.


Jasa rakan-rakan sekalian tidak akan saya lupakan dan akan terus tersemat sebagai kenangan yg bermakna.

Akhir kata, silaturahim kita tidak berakhir di sini, saya tetap bersama-sama rakan-rakan sekalian walau di mana saya berada.


Semoga dipermudahkan segala urusan kita semua..

Aminn ya rabb.."

*Encik Mohamad Ikhwan bin Juhari
15.1.2023*



TikTok for AFFILIATES



Alumni KKTM Sri Gading dari Program DTM, Siti Nur Aishah Pauzi, 23, kini mampu menjana pendapatan sendiri, hasil menyertai TikTok Affiliate sejak September tahun lalu biarpun tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Menurut beliau, dia senang dengan kaedah berkenaan memandangkan dirinya tidak perlu memegang stok produk, sebaliknya fokus untuk membuat video promosi sahaja.

Keuntungan yang diraih melalui TikTok Affiliate membolehkan dia membantu keluarga untuk hidup dengan lebih selesa malah dapat menggunakan segala wang yang dikumpul untuk membina rumah baharu buat keluarganya yang menetap di Tumpat, Kelantan. Warga KKTM Sri Gading mengucapkan semoga lebih maju jaya dalam bidang yang diceuri. **Sumber:** mstar.com

INFO OBE

PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL (OBE) - ETAC

Konsep Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE)

Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education – OBE) merupakan proses yang melibatkan penstrukturan semula kurikulum, penilaian dan laporan dalam pendidikan.

Ini bagi membolehkan para pelajar memperoleh pencapaian dan menguasai pembelajaran tahap tertinggi setiap semester tanpa menunggu sehingga memenuhi kredit program dan tamat pengajian di KKTM.

Konsep OBE selalunya akan fokus kepada hasil pelaksanaan sesuatu program yang ditawarkan di KKTM.



To be an outstanding and trustworthy organisation in the upholding the nation's pride



To shape a holistic TVET human capital with entrepreneurial values



GOAL of KKTM Sri Gading

The goal of the establishment of KKTM Sri Gading is to produce graduates with technical knowledge and skills as well as to apply it in the industry and to become potential technical entrepreneurs

KKTM SRI GADING

OBE lebih menjurus kepada perancangan dan hasil yang bakal di perolehi oleh setiap pelajar dalam setiap program yang diikuti.

Hasil pembelajaran lebih menitikberatkan terhadap persoalan apakah jangkaan yang perlu para pelajar capai dari segi pengetahuan, kefahaman atau kebolehan untuk membuat sesuatu ataupun kualiti yang perlu dibangunkan oleh mereka sendiri semasa pengajian di KKTM.

Empat Elemen OBE

Secara keseluruhannya, OBE akan memfokuskan kepada empat (4) elemen yang utama dalam pelaksanaan sepanjang program akademik iaitu;

